

BAB **19**

PERANAN PERINDUSTRIAN BUMIPUTERA DALAM ARUS GLOBALISASI

*Hussin Abdullah
Abu Sufian Abu Bakar*

Semenjak negara mencapai kemerdekaan, pelbagai program telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat terutama Bumiputera. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) merupakan satu program jangka panjang untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Seterusnya, DEB juga diharap dapat merapatkan jurang ekonomi yang berlaku dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara. Beberapa kejayaan dan peningkatan yang ditunjukkan dalam beberapa bidang telah membuktikan bahawa bumiputera mampu berjaya seperti kaum lain, namun begitu hakikatnya didapati kaum bumiputra khususnya bumiputera masih juga ketinggalan dalam pelbagai bidang. Mereka masih memerlukan bantuan untuk meningkatkan keupayaan mereka termasuk dalam bidang ekonomi, kewangan, pendidikan dan lain-lain.

Dalam era globalisasi, mereka yang lemah dan hanya mengharapkan pertolongan orang lain akan ketinggalan. Sebaliknya, mereka yang cekap dan bijak merebut peluang akan berjaya. Persekitaran ekonomi yang terbuka dan pergerakan masa yang semakin pantas tidak memungkinkan seseorang itu duduk berpeluk tubuh menanti bantuan tiba padanya. Lantaran itu, sudah tiba masanya bumiputera khususnya usahawan mengubah sikap dan bersiap sedia menghadapi cabaran yang semakin hebat.

Penulisan ini ingin melihat sejauhmana bumiputera mengenal pasti peluang dalam tempoh Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang mempunyai matlamat mewujudkan “masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera” yang berjaya. Peranan bumiputera dalam pembangunan perindustrian, bagaimana mereka perlu meningkatkan daya saing, berpandangan jauh dan inovatif dalam bidang-bidang perindustrian yang diceburi.

Globalisasi dikatakan boleh menyebabkan terhapusnya sekatan ekonomi nasional, perluasan aktiviti dan kawasan perdagangan, pengeluaran dan perindustrian serta kewangan. Peningkatan kuasa syarikat-syarikat multinasional, di samping negara-negara perindustrian yang maju dan dsokong pula dengan institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan IMF wujud hasil daripada pelaksanaan globalisasi yang dikatakan dunia tanpa sempadan. Globalisasi ini juga diperkukuhkan dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Proses globalisasi yang diutarakan oleh Barat merujuk kepada perkembangan pesat yang berlaku, terutama di negara-negara perindustrian yang bersandarkan kapitalisme dan liberalisme. The age of globalisation yang bermula pada dekad 1990-an merupakan permulaan perubahan kepada order baru ekonomi dan ianya secara langsung memberi kesan kepada dunia perindustrian bumiputera. Globalisasi ini memberi peluang yang lebih luas kepada perindustrian bumiputera menembusi pasaran antarabangsa dan tempatan kerana penghapusan sekatan perdagangan akibat daripada kesan globalisasi ke luar (outward globalisation). Manakala kesan globalisasi ke dalam (inward globalisation) pula akan memberi persaingan dan ancaman dari luar ke atas perindustrian bumiputera yang tidak mempunyai daya saing.

Kesan globalisasi ini terhadap perindustrian mengubah kegiatan pengeluarannya daripada berintensif buruh kepada lebih bersifat intensif-modal dan teknologi untuk mengatasi masalah kekurangan buruh dan meningkatkan daya saing industri di peringkat global. Perkembangan keadaan ini memaksa kerajaan Malaysia melaksanakan dasar liberalisasi perdagangannya.

Kerajaan berusaha melaksanakan beberapa dasar perindustrian yang mengutamakan pelbagaian ekonomi untuk menjamin pertumbuhan ekonomi yang pesat dan stabil. Diakui bahawa pergantungan terhadap sektor pertanian dan perlombongan tidak akan menjamin pertumbuhan ekonomi. Sektor-sektor ini kurang menggalakkan kerana halangan pengeluaran dan ketidakstabilan harga serta tahap pelaburan yang rendah. Sektor perindustrian dapat meningkatkan produktiviti, menambah peluang pekerjaan dan pendapatan negara serta mencapai pertumbuhan yang tinggi melalui proses penggunaan teknologi tinggi dan modal besar.

Dasar perindustrian tahun 1980-an adalah merupakan lanjutan daripada polisi tahun 1970-an yang menekankan penumpuan pencapaian matlamat DEB. Beberapa galakan diberikan kepada penyertaan bumiputera supaya matlamat-matlamat penyertaan ekuiti, guna tenaga, agihan pendapatan, agihan pengeluaran barang-barang dan perkhidmatan profesional akan tercapai menjelang 1990. Dengan itu, penyebaran industri yang jauh dari pusat bandar ke kawasan kurang maju dipergiatkan, malah menjadi dasar penting pada tahun-tahun 1980-an.

Untuk mencapai matlamat yang digariskan, beberapa strategi dirangka. Antaranya ialah meneruskan usaha-usaha menarik pelabur-pelabur asing dan tempatan, mendirikan industri yang menggunakan tenaga buruh yang ramai secara tak langsung dapat mengurangkan kadar pengangguran, meneruskan penggalakan industri berorientasikan eksport dan berteknologi tinggi, menubuhkan industri-industri berat, industri sokongan dan sampingan bagi menampung keperluan pelbagai industri yang sedia ada, membangunkan industri berasaskan pertanian secara besar-besaran serta meneruskan dasar pengeluaran industri dari pusat bandar untuk memberi peluang pekerjaan kepada penduduk bandar kecil dan kawasan pembangunan baru. Secara umumnya, dasar perindustrian dekad 1980-an menekankan tiga perkara iaitu, pembangunan industri berat, perkembangan industri kecil dan pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian (PIP).

PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM PERINDUSTRIAN

Semenjak negara mencapai kemerdekaan, pelbagai program telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat terutama

bumiputera. Pelaksanaan DEB merupakan satu program jangka panjang untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Seterusnya, DEB juga diharap dapat merapatkan jurang ekonomi yang berlaku dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara. Beberapa kejayaan dan peningkatan yang ditunjukkan dalam beberapa bidang telah membuktikan bahawa bumiputera mampu berjaya seperti kaum lain, namun begitu hakikatnya didapati bumiputera masih juga ketinggalan dalam pelbagai bidang.

Matlamat DEB untuk membasmi kemiskinan didapati berjaya, namun begitu pencapaian dalam penyusunan semula masyarakat adalah agak terbatas, pencapaian bumiputera masih jauh ketinggalan berbanding dengan kaum lain. Itulah sebabnya DEB dilanjutkan dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) mulai 1990 hingga sekarang.

MTEN (1999) melaporkan bahawa peratusan syarikat bumiputera hanya mewakili 19.0 peratus daripada jumlah keseluruhan syarikat di Malaysia berbanding dengan syarikat bukan bumiputera yang mewakili sejumlah 81%.

Osman (1992), mendapati sejumlah 1,003 pemilik syarikat di Semenanjung Malaysia seperti di Jadual 19.1 menunjukkan pembahagian mengikut jenis industri dan pemilikan antara Melayu dan bukan Melayu. Jadual ini juga menunjukkan bahawa pemilikan bumiputera hanya meliputi 16.2% sahaja daripada jumlah syarikat dan tumpuannya hanyalah pada industri berasaskan kayu dan industri pemprosesan makanan.

JADUAL 19.1
Pembahagian Mengikut Jenis Industri dan Pemilikan

| Pemilikan Jenis Industri | Melayu (Bumiputera) | | Bukan Melayu (Bukan Bumiputera) | | Keseluruhan | | Jumlah | |
|-----------------------------|---------------------|-----------|---------------------------------|-----------|-------------|------------|-------------|--------------|
| | Kecil | Besar | Kecil | Besar | Kecil | Besar | Bilangan | % |
| Kejuruteraan Ringan | 20 | 6 | 145 | 30 | 165 | 36 | 201 | 20.0 |
| Makanan | 87 | 1 | 263 | 14 | 350 | 15 | 365 | 36.4 |
| Berasaskan Kayu | 50 | 5 | 242 | 23 | 292 | 28 | 320 | 31.9 |
| Berasaskan Getah | 6 | 4 | 81 | 27 | 87 | 31 | 118 | 11.8 |
| JUMLAH | 163 | 16 | 731 | 94 | 893 | 110 | 1004 | 100.0 |
| Peratus | 16.2 | 1.6 | 72.8 | 9.4 | 88.9 | 11.0 | 100.0 | |

Sumber : H.Osman Rani, 1992.

Jadual 19.2

Kedudukan Operasi dan Saiz Perniagaan Bumiputera dalam Industri Pembuatan yang terlibat dalam Perniagaan Antarabangsa dan Tempatan di Malaysia

| Bil | Negeri | Industri (Eksport) | | | Industri (Tempatan) | | |
|-----|-------------------------|--------------------|---------------|----------|---------------------|---------------|----------|
| | | Bilangan Syarikat | Saiz Syarikat | Keluaran | Bilangan Syarikat | Saiz Syarikat | Keluaran |
| | ZON UTARA | | | | | | |
| 1 | Perlis | 2 | L & L | PI & L | 2 | S & M | PI & Ce |
| 2 | Kedah | 2 | L & L | Fe & R | 2 | S & M | Fo & R |
| 3 | Pulau Pinang | 2 | L & L | PI & R | 2 | S & L | Fo & Pe |
| 4 | Perak | 2 | L & L | Pa & St | 2 | L & L | PI & Pa |
| | ZON TENGAH | | | | | | |
| 5 | Selangor | 2 | L & L | Mc & PI | 2 | L & L | St & PI |
| 6 | Kuala Lumpur | 2 | L & L | PI & A | 2 | L & L | A & Fo |
| 7 | Negeri Sembilan | 2 | L & L | E & T | 2 | L & L | E & T |
| | ZON SELATAN | | | | | | |
| 8 | Melaka | 2 | L & L | Me & Ch | 2 | M & M | Fo & PI |
| | Johor | 2 | L & L | Fo & B | 2 | L & L | Fe & Ca |
| | ZON PANTAI TIMUR | | | | | | |
| 10 | Pahang | 2 | L & L | W & E | 2 | S & S | W & L |
| 11 | Kelantan | 2 | L & L | T & PI | 2 | S & S | T & W |
| 12 | K. Terengganu | 2 | L & L | Ma & Ce | 2 | M & L | PI & T |
| | JUMLAH | 24 | | | 24 | | |

Sumber: Abdul Jumaat bin Mahajar, 2001, Dynamic Change of Malay Firms Towards International Business

PERANAN PERINDUSTRIAN BUMIPUTERA DALAM ARUS GLOBALISASI

Nota:

| | | |
|-----------------------|------------------------|----------------------------|
| <i>L = Large</i> | <i>E = Electronic</i> | <i>Pe = Petroleum</i> |
| <i>M = Medium</i> | <i>Fe = Fertiliser</i> | <i>Ph = Pharmaceutical</i> |
| <i>S = Small</i> | <i>Fo = Food</i> | <i>Pl = Plastic</i> |
| <i>A = Automobile</i> | <i>L = Leather</i> | <i>R = Rubber</i> |
| <i>B = Beverage</i> | <i>Ma = Marble</i> | <i>St = Steel</i> |
| <i>Ca = Carbon</i> | <i>Mc = Machinery</i> | <i>T = Textile</i> |
| <i>Ce = Cement</i> | <i>Me = Metal</i> | <i>W = Wood</i> |
| <i>Ch = Chemical</i> | <i>Pa = Paper</i> | |

Abdul Jumaat (2000), membuat kajian mengenai penglibatan 48 syarikat bumiputera yang terlibat secara langsung dengan keluaran industri untuk pengeksportan dan keluaran industri untuk kegunaan tempatan seperti di Jadual 19.2. Hasil kajian didapati kekangan yang dihadapi oleh firma bumiputera untuk mengeksport ialah peraturan tariff dan bukan tariff yang dikenakan oleh negara-negara membangun, pengimport dan pengusaha pembuatan kurang menyimpan stok disebabkan oleh kadar faedah yang tinggi, perkhidmatan perkapalan yang tidak teratur dan tidak mencukupi ke pasaran baru dan sering berlaku kenaikan dalam kadar tambang, kekurangan pengetahuan dikalangan pengeksport bumiputera terhadap kehendak penggunaan dan pasaran, peraturan import, keperluan pertukaran asing dalam sesetengah negara dalam pasaran baru seperti di Afrika, Eropah Timur dan Amerika Latin, dan kurang kemampuan pengeluaran tempatan bersaing di peringkat antarabangsa terutama dari segi harga dan kualiti di samping teknologi dan kelemahan pemasaran.

PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DALAM RM KE-8

Globalisasi mewujudkan satu pergerakan modal, kemahiran dan teknologi yang pesat di dunia di mana perolehan sumber dari luar dan pengurusan rantaian bekalan global menukar proses pengeluaran di peringkat antarabangsa. Sehubungan dengan itu, keupayaan infrastruktur negara perlu dipertingkatkan termasuk infrastruktur e-dagang bagi menarik industri berintensif pengetahuan untuk ditempatkan di Malaysia. Maka industri tempatan perlu setanding dengan industri global dengan mempertingkatkan inovasi pengeluaran dan sentiasa mengikuti perkembangan terbaru dalam pasaran. Dengan mengambil kira perubahan yang berlaku dalam perkembangan global dan serantau, kerajaan berusaha membangunkan kemudahan infrastruktur kepada industri dan meningkatkan pelaburan dalam sektor pembuatan dengan menyediakan persekitaran yang menarik untuk perniagaan. Ini selaras dengan teras dasar RMKe-8 iaitu:

- mempersiapkan industri untuk memanfaatkan peluang yang wujud daripada globalisasi;
- memperkukuhkan asas sektor pembuatan dengan membangunkan kelompok industri yang teguh;

- mengekalkan lajakan pertumbuhan dengan memperkukuhkan perkhidmatan yang berkaitan dengan pembuatan;
- menyediakan insentif yang lebih khusus bagi industri bernilai ditambah yang tinggi;
- meningkatkan penggunaan teknologi dan membangunkan keupayaan tempatan yang kukuh;
- meningkatkan pengeluaran barangan modal dan perantaraan tempatan untuk mengurangkan kandungan import dan memperkukuhkan pembangunan perindustrian;
- meningkatkan daya saing melalui peningkatan produktiviti;
- membangunkan inisiatif baru dalam penggalakan eksport;
- meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT); dan
- membangunkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berdaya tahan.

Malaysia yang merupakan negara pengeksport ke-17 terbesar di dunia, akan berusaha untuk mempertingkat dan menggalakkan rantai antara industri dan antara sektor yang lebih luas selaras dengan pendekatan pembangunan kelompok industri yang dinamik dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2). Bagi mencapai matlamat ini juga penyelarasan diperlukan di peringkat negeri untuk merangsang pertumbuhan dinamik setiap kelompok dan menggalakkan rangkaian sistematik di dalam setiap kelompok wilayah seperti dalam Jadual 19.3.

PIP2 yang bermula pada tahun 1996 dan akan berakhir pada tahun 2005 telah menggariskan lima teras strateginya iaitu:

- orientasi global – kebolehan untuk ‘adapt’ dan bertindakbalas terhadap perubahan persekitaran global;
- peningkatan daya saing – tumpuan kepada pembangunan kelompok industri dengan memperluaskan rangkaian perindustrian serta peningkatan produktiviti;
- pembaikan keperluan asas ekonomi – tumpuan kepada pembangunan dan pengurusan sumber manusia, perolehan teknologi serta peningkatan keupayaan menyerap teknologi, infrastruktur fizikal dan perkhidmatan sokongan perniagaan;
- memupuk syarikat perkilangan milik rakyat Malaysia – meningkatkan penyertaan syarikat milik rakyat Malaysia dalam aktiviti perkilangan dan aktiviti-aktiviti berkaitan terutamanya dalam kelompok industri yang strategik; dan
- proses intensif maklumat dan berteraskan pengetahuan – dalam aktiviti perkilangan dan aktiviti berkaitan seperti Penyelidikan dan Pembangunan, reka bentuk produk, pemasaran, pengedaran dan perolehan.

Bagi memastikan pembangunan perindustrian di Malaysia terus maju dan berdaya saing, kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM2.6 bilion seperti ditunjukkan dalam Jadual 4 dalam RMKe-8. Teras pembangunan akan ditumpukan kepada pembangunan teknologi, perluasan infrastruktur perindustrian dan peningkatan kemahiran. Di samping itu juga, beberapa program akan dilaksanakan untuk memperkukuhkan PKS.

Jadual 19.4 ini juga menunjukkan berlakunya peningkatan peruntukan pembangunan bagi pembangunan perindustrian dalam RMKe-8 daripada RMKe-7 terutama dalam pembangunan PKS iaitu sebanyak 138%, dana pelaburan domestik sebanyak 110%, latihan dan perkhidmatan perundingan sebanyak 100%, dan industri luar Bandar pula sebanyak 5%. Sehubungan dengan itu, pengusaha Melayu perlu rebut peluang keemasan ini bagi mengembangkan perniagaan mereka samada di peringkat

JADUAL 19.3
Kelompok Industri

| Bil | Jenis Kelompok Industri | Prospek Pertumbuhan |
|-----|---|---|
| 1 | Industri Keluaran Elektrik dan Elektronik | <p><i>Disasarkan berkembang pada kadar 8.8 peratus setahun. Sektor kecil keluaran elektrik dan elektronik akan beralih kepada aktiviti bernilai ditambah lebih tinggi melalui peningkatan kemahiran, reka bentuk keluaran dan P&P. Dalam kumpulan keluaran separa konduktor, beberapa syarikat akan menaik taraf dan mengeluarkan litar bersepadu yang memerlukan teknologi tinggi. Kumpulan barangan elektronik pengguna akan lebih banyak keluaran termaju seperti peranti hablur cair transistor, jilem nipis untuk televisyen, monitor komputer peribadi dan telefon bimbit akan dikeluarkan.</i></p> |
| 2 | Industri Automatif | <p><i>Bagi mencapai ekonomi bidangan dalam pengeluaran kenderaan dan komponen, strategi berorientasikan eksport dilaksanakan, dimana kecekapan dan daya saing kelompok industri automotif ditingkatkan untuk merebut peluang di pasaran serantau dan antarabangsa.</i></p> |
| 3 | Industri Aeroangkasa | <p><i>Keupayaan pembangunan teknologi tempatan dalam aeroangkasa dan pembuatan komponen komposit akan dipertingkatkan dengan perluasan pengeluaran pesawat terbang oleh syarikat Penyelidikan Teknologi Komposit Malaysia (CTRM) di Kompleks Perindustrian Aeroangkasa di Batu Berendam. Pertumbuhan industri ini akan membantu merangsang pembangunan industri kejeteraan dan kelengkapan.</i></p> |
| 4 | Industri Berasaskan Sumber Yang Strategik | <p><i>Membangunkan industri berasaskan sumber seperti industri keluaran berasaskan kayu, keluaran getah, keluaran berasaskan kelapa sawit, keluaran berasaskan koko, keluaran makanan, seramik dan kimia.</i></p> |

Sumber : RMKe-8

JADUAL 19.4
Peruntukan Pembangunan Bagi Pembangunan Perindustrian,
2001-2005 (RM juta)

| Program | RM Ke-7 | | RM Ke-8 |
|---|----------------|----------------|----------------|
| | Peruntukan | Perbelanjaan | Peruntukan |
| Pembangunan Kawasan Perindustrian | 591.7 | 534.7 | 248.0 |
| Pembangunan Infrastruktur Perindustrian | 126.7 | 88.3 | 95.0 |
| Pembangunan PKS | 458.1 | 394.6 | 1,091.8 |
| Dana Pelaburan Domestik | 319.0 | 288.2 | 670.0 |
| Industri Luar Bandar | 133.3 | 130.1 | 140.0 |
| Latihan & Perkhidmatan Perundingan | 120.8 | 109.3 | 241.0 |
| Pelaburan Dalam Perusahaan Berat | 331.5 | 310.0 | 24.2 |
| Pelaksanaan Pelan Tindakan Pembangunan | 92.2 | 82.2 | 78.5 |
| Teknologi Perindustrian | | | |
| Tabung Projek Fabrikasi Wafer | 11.5 | 10 | 10 |
| Jumlah | 2,184.8 | 1,947.4 | 2,598.5 |

Sumber: RMKe-8

antarabangsa mahupun tempatan dan bersaing dengan pengusaha yang lain. Peluang yang besar ini jelas terlihat dalam pembangunan PKS yang mana majoriti pengusahanya adalah di kalangan bumiputera.

PENCAPAIAN EKONOMI MELAYU

Matlamat untuk mencapai 30% pemilikan ekuiti syarikat di tangan bumiputera atau Bumiputera tidak kesampaian selepas tamatnya tempoh DEB. Ini sebenarnya masih belum berjaya sepenuhnya, pencapaian itu hanyalah sekitar 20% sahaja. Jumlah profesional melayu dibandingkan dengan bangsa lain adalah menjadi benchmark kepada pengukuran pencapaian matlamat DEB. Umpamanya pada tahun 1999, jumlah ahli profesional melayu iaitu akauntan, arkitek, doktor, doktor gigi, jurutera, peguam, juruukur dan doktor haiwan dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain seperti dalam Jadual 19.5.

Maklumat daripada Jadual 19.5 tersebut menunjukkan bahawa bilangan profesional Bumiputera hampir 29% sudah mencapai matlamat dasar DEB/DPN iaitu 30% dalam penyusunan semula masyarakat agar tidak dikenali sesuatu kaum dengan pekerjaan mereka. Sebenarnya pencapaian 29% itu boleh dibanggakan tetapi masih tidak memadai. Barulah kini realistik jika kita mula memikirkan peratus itu wajar disesuaikan dengan

peratus nisbah penduduk negara ini. Namun yang kita hasratkan dalam dasar DEB/DPN itu ialah milikan 30% ekuiti syarikat di tangan Melayu. Ini masih tidak diperolehi kerana milikan kita hanyalah sekitar 20%. Itu pun setelah dicampurkan dengan milikan pelaburan institusi seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB). Jelas di sini pencapaian 29% jumlah profesional tidak diterjemahkan kepada milikan yang juga sekitar itu dalam ekuiti syarikat. Ini disebabkan budaya Melayu kebiasaannya lebih gemar makan gaji daripada menjadi usahawan. Lagipun DEB bermula pada tahun 1970 dengan milikan ekuiti Melayu teramat rendah iaitu cuma di tahap 2% sahaja.

Jadual 19.6 pula menunjukkan berlaku peningkatan guna tenaga bumiputera dalam beberapa sektor dari tahun 1990 hingga 2000. Namun begitu peningkatan ini tidak setanding dengan peningkatan orang bukan Melayu. Keadaan ini ketara dalam sektor pembuatan, pembinaan, kewangan serta perniagaan runcit dan borong. Sebenarnya setakat ini kejayaan pencapaian kita masih rendah dalam membangunkan dan membina usahawan Melayu yang berdaya tahan dan berdaya saing dengan jumlah yang ramai, berbanding dengan penguasaan ekonomi akan dapat kita capai. Sebagaimana dilaporkan oleh majalah *Malaysian Business* keluaran 1 hingga 16 Februari 2001 yang menyenaraikan 20 orang paling kaya di Malaysia, hanya 3 orang sahaja usahawan Melayu yang tersenarai, itupun di kedudukan 11, 16 dan 19. Seorang usahawan berbangsa India tersenarai dan 16 orang lain ialah usahawan berbangsa Cina. Satu lagi data yang jelas menunjukkan usahawan Melayu masih di tahap rendah ialah dengan mengambil satu contoh sektor, iaitu pembinaan. Daripada 26,655 kontraktor, 22,938 adalah Bumiputera dan 3,717 adalah bukan Bumiputera. Namun angka Bumiputera yang lebih ramai itu hanyalah tertumpu kepada kelas kontraktor yang terkecil iaitu kelas F, seramai 18,049. Data bulan September 2001, Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Pembangunan Usahawan adalah di Jadual 19.7 dan Rajah 19.1.

JADUAL 19.5
Ahli Profesional Berdaftar Mengikut Kaum, 1990 dan 1999

| PROFESION | 1990 | | | | | 1999 | | | | |
|------------------|--------------|---------------|--------------|------------|---------------|---------------|---------------|--------------|------------|---------------|
| | Bumiputera | Cina | India | Lain-Lain | Jumlah | Bumiputera | Cina | India | Lain-lain | Jumlah |
| Akauntan | 627 | 4,524 | 346 | 77 | 5,574 | 2,167 | 10,520 | 789 | 185 | 13,651 |
| % | 11.2 | 61.2 | 6.2 | 1.4 | 100.0 | 15.9 | 77.0 | 5.8 | 1.3 | 100.0 |
| Arkitek | 231 | 728 | 12 | 8 | 979 | 431 | 1,036 | 23 | 4 | 1,494 |
| % | 23.6 | 74.4 | 1.2 | 0.8 | 100.0 | 28.9 | 69.3 | 1.5 | 0.3 | 100.0 |
| Doktor | 1,851 | 2,430 | 2,410 | 216 | 7,007 | 4,460 | 3,749 | 3,448 | 484 | 12,141 |
| % | 27.8 | 34.7 | 34.4 | 3.1 | 100.0 | 36.7 | 30.9 | 28.4 | 4.0 | 100.0 |
| Doktor Gigi | 406 | 847 | 396 | 21 | 1,670 | 888 | 1,074 | 534 | 54 | 2,550 |
| % | 24.3 | 50.7 | 23.7 | 1.3 | 100.0 | 34.8 | 42.1 | 21.0 | 2.1 | 100.0 |
| Juruera | 902 | 5,244 | 459 | 260 | 6,865 | 2,688 | 6,806 | 642 | 4 | 10,140 |
| % | 13.1 | 76.4 | 6.7 | 3.8 | 100.0 | 26.5 | 67.1 | 6.4 | - | 100.0 |
| Peguam | 705 | 1,575 | 836 | 37 | 3,153 | 2,783 | 3,640 | 2,379 | 77 | 8,879 |
| % | 22.3 | 50.0 | 26.5 | 1.2 | 100.0 | 31.3 | 41.0 | 26.8 | 0.9 | 100.0 |
| Juruukur | 573 | 636 | 48 | 26 | 1,283 | 1,495 | 1,482 | 84 | 56 | 3,127 |
| % | 44.7 | 49.6 | 3.7 | 2.0 | 100.0 | 47.8 | 47.4 | 3.0 | 1.8 | 100.0 |
| Doktor Veterinar | 242 | 160 | 250 | 23 | 675 | 409 | 258 | 274 | 20 | 961 |
| % | 35.9 | 23.7 | 37.0 | 3.4 | 100.0 | 42.6 | 26.8 | 28.5 | 2.1 | 100.0 |
| Jumlah | 5,637 | 16,140 | 4,757 | 668 | 27,206 | 12,321 | 28,565 | 8,183 | 884 | 52,953 |
| % | 20.7 | 69.3 | 17.5 | 2.6 | 100.0 | 28.9 | 53.9 | 15.5 | 1.7 | 100.0 |

Sumber : Persatuan profesional yang meliputi sektor awam dan swasta seperti Institut Akauntan Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia, Majlis Peguam Malaysia, Pertubuhan Juruukur Malaysia dan Majlis Veterinar Malaysia.

JADUAL 19.6
Gunatanaga Mengikut Sektor dan Kumpulan Etnik, 1990, 1995, 1998 dan 2000 ('000)

| Sektor | 1990 | | | | | | 1995 | | | | | | 1998 | | | | | | 2000 | | | | | | |
|-----------------------------|------------|------|--------|------------------|--------|------|------------|------|--------|------------------|--------|------|------------|------|--------|------------------|---|--|------------|---|--|------------------|---|--|--|
| | Bumiputera | | | Bukan Bumiputera | | | Bumiputera | | | Bukan Bumiputera | | | Bumiputera | | | Bukan Bumiputera | | | Bumiputera | | | Bukan Bumiputera | | | |
| | Bil | % | | Bil | % | | Bil | % | | Bil | % | | Bil | % | | Bil | % | | Bil | % | | Bil | % | | |
| Pertanian | 1179.9 | 33.4 | 558.1 | 17.7 | 915.4 | 22.2 | 608.6 | 15.6 | 858.7 | 19.9 | 574.7 | 13.6 | 851.7 | 18.8 | 573.8 | 13.2 | | | | | | | | | |
| Perlombongan | 19.2 | 0.6 | 17.8 | 0.6 | 21.7 | 0.5 | 16.1 | 0.4 | 22.5 | 0.5 | 16.5 | 0.3 | 23.2 | 0.5 | 16.2 | 0.3 | | | | | | | | | |
| Pembuatan | 619.1 | 17.5 | 713.9 | 22.6 | 1026.7 | 24.9 | 1034.7 | 26.5 | 1096.6 | 25.4 | 1208.7 | 28.6 | 1172.0 | 25.9 | 1263.2 | 29.1 | | | | | | | | | |
| Pembinaan | 148.0 | 4.2 | 276 | 8.7 | 266.0 | 6.4 | 445.1 | 11.4 | 260.8 | 6.0 | 465.9 | 11.0 | 279.4 | 6.2 | 477.6 | 10.9 | | | | | | | | | |
| Elektrik & Gas | 33.0 | 0.9 | 14 | 0.4 | 47.2 | 1.1 | 18.3 | 0.4 | 52.7 | 1.2 | 24.5 | 0.5 | 56.7 | 1.3 | 25.4 | 0.5 | | | | | | | | | |
| Pengangkutan | 148.0 | 4.2 | 154 | 4.9 | 212.4 | 5.2 | 186.8 | 4.7 | 233.8 | 5.4 | 204.6 | 4.8 | 250.9 | 5.5 | 207.3 | 4.7 | | | | | | | | | |
| Perdagangan runcit & borong | 420.2 | 11.9 | 797.8 | 25.3 | 479.7 | 11.6 | 834.5 | 21.4 | 537.5 | 12.5 | 900.9 | 21.3 | 567.4 | 12.5 | 924.4 | 21.3 | | | | | | | | | |
| Kewangan | 106.2 | 3.0 | 151.8 | 4.8 | 168.9 | 4.1 | 205.6 | 5.2 | 191.1 | 4.4 | 225.3 | 5.3 | 210.5 | 4.6 | 238.6 | 5.5 | | | | | | | | | |
| Perkhidmatan lain | 859.8 | 24.3 | 469.2 | 14.9 | 989.3 | 24.0 | 546.9 | 14.0 | 1065.9 | 24.7 | 596.9 | 14.1 | 1116.3 | 24.7 | 615.9 | 14.1 | | | | | | | | | |
| Jumlah | 3533.4 | 100 | 3152.6 | 100 | 4127.3 | 100 | 3896.6 | 100 | 4319.6 | 100 | 4218.1 | 100 | 4528.1 | 100 | 4342.5 | 100 | | | | | | | | | |


Sumber : Malaysia (1999) Jadual 3-5 (ubahsuai).

JADUAL 19.7
Bilangan Kontraktor Kerja Awam Bumiputera dan Bukan Bumiputera Mengikut Kelas Sehingga September 2001

| Kelas | Bumiputera | Bukan Bumiputera | Jumlah |
|---------------|---------------|------------------|---------------|
| A | 670 | 496 | 1166 |
| B | 407 | 370 | 777 |
| BX | 677 | 468 | 1145 |
| C | 360 | 285 | 645 |
| D | 2433 | 1393 | 3826 |
| E | 267 | 332 | 599 |
| EX | 75 | 373 | 448 |
| F | 18,049 | - | 18049 |
| Jumlah | 22,938 | 3717 | 26,655 |

Sumber : Kementerian Pembangunan Usahawan.

RAJAH 19.1
Bilangan Kontraktor Kerja Awam Bumiputera dan Bukan Bumiputera Mengikut Kelas Sehingga September 2001



Didapati juga golongan atasan melayu tidaklah ramai memiliki syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), pemilik syarikat atau kontraktor wibawa yang berjaya secara tulen, usahawan yang terlibat dalam multinasional atau bertapak lama.

Pihak kerajaan juga telah berusaha mewujudkan pelbagai industri di setiap negeri. Namun industri berkenaan rata-rata bukan milik bumiputera. Bumiputera wajar secara sepadu dan bersungguh-sungguh mewujudkan industrialis bumiputera yang memiliki pelbagai jenis kilang yang dapat memasarkan produk berkualiti dengan harga yang kompetitif. IKS milik bumiputera hanya sekitar 15% daripada seluruh IKS yang ada di negara ini. Peratus ini teramat kecil dan komitmen semua pihak seperti Perbadanan Ekonomi Negeri-negeri wajar diperhebatkan. Korporat waja di peringkat negara adalah tahap yang melayakkan seterusnya untuk menjadi multinasional peringkat global. Bilangan tertentu syarikat milik majoriti bumiputera yang dapat dan layak untuk disenaraikan di BSKL perlu disasarkan.

Usahawan melayu yang berjaya pada peringkat ini sewajarnya terlibat secara langsung dalam teknologi tinggi. Kumpulan ini boleh dipanggil sebagai technopreneur bukan sekadar entrepreneur biasa. E-dagang dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah syarat mutlak untuk mampu bersaing di peringkat global.

PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN PEMBUATAN DAN PERKHIDMATAN

Berbagai langkah diambil untuk menggalakkan penyertaan usaha niaga bumiputera amnya dan Melayu khususnya dalam sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan yang dinamik. Memandangkan syarikat bumiputera telah menembusi sektor perindustrian pembinaan, pengangkutan dan pertanian, mereka perlu mempelbagaikan usaha ke dalam aktiviti lain yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Bagi meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera yang rendah dalam sektor pembuatan iaitu 12.5 peratus seperti ditunjukkan dalam Jadual 19.8, usaha akan dijalankan untuk menggalakkan penglibatan mereka dalam sektor kecil pembuatan seperti industri elektrik dan elektronik, farmaseutikal, kimia, petrokimia, bioteknologi, bahan komposit dan termaju, kelengkapan pengangkutan dan

makanan. Bagi memudahkan penyertaan Bumiputera, persekitaran yang boleh membantu mereka akan diwujudkan termasuk penyediaan insentif dan pembiayaan bagi menyalurkan teknologi yang bersesuaian serta kepakaran pengurusan. Agensi seperti Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) akan membantu mengenal pasti peluang perolehan dari luar yang ditawarkan serta mengesan arah aliran teknologi dan mencari rakan niaga yang berpotensi. Agensi tersebut juga akan menyebarkan maklumat secara lebih berkesan untuk membantu usahawan bumiputera.

Pemilikan modal saham bumiputera dalam sektor korporat berkurang sedikit daripada 19.3 peratus pada tahun 1990 kepada 19.1 peratus pada tahun 1999 seperti ditunjukkan dalam Jadual 19.9. Peratusan pemilikan modal saham kumpulan etnik Cina berkurang daripada 45.5 peratus kepada 37.9 peratus dalam tempoh yang sama manakala pemilikan kumpulan etnik India pula meningkat kepada 1.5 peratus pada tahun 1999. Pemilikan oleh rakyat asing telah meningkat dengan ketara daripada 25.4 peratus pada tahun 1990 kepada 32.7 peratus pada tahun 1999. Dalam tempoh RRJP3, usaha yang gigih akan dijalankan untuk meningkatkan penyertaan berkesan Bumiputera serta pemilikan ekuiti Bumiputera sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang tahun 2010. Penyusunan semula ini akan dilaksanakan dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan peluang yang lebih banyak untuk semua rakyat Malaysia dan tanpa perlu mengambil langkah penyusunan semula mikro bagi usaha niaga sedia ada. Bagi mencapai sasaran ini, Bumiputera perlu melipatgandakan usaha mereka dalam berbagai bidang termasuk memanfaatkan peluang yang wujud daripada peningkatan hubungan saling melengkapi dan sinergi dalam industri tempatan serta dengan rakan asing. Bumiputera perlu melengkapi diri dengan kemahiran dan keupayaan keusahawanan serta mengubah cara pemikiran mereka supaya dapat mengambil bahagian secara berkesan dalam peluang yang wujud.

JADUAL 19.8
Hak Milik Modal Saham (Pada Nilai Tara)
Syarikat Berhad Mengikut
Kumpulan Etnik Dan Sektor, 1999 (%)

| <i>Kumpulan Hak Milik</i> | <i>Pertanian</i> | <i>Pertombongan</i> | <i>Pembuatan</i> | <i>Utiliti</i> | <i>Pembinaan</i> | <i>Perdagangan Borong & Runcit</i> | <i>Pengangkutan</i> | <i>Kewangan</i> | <i>Lain-lain</i> | <i>Jumlah</i> |
|----------------------------|------------------|---------------------|------------------|----------------|------------------|--|---------------------|-----------------|------------------|---------------|
| Bumiputera | 28.5 | 19.0 | 12.5 | 12.2 | 26.5 | 15.2 | 24.2 | 20.5 | 20.5 | 19.1 |
| Individu | 16.9 | 12.1 | 6.7 | 10.7 | 11.2 | 8.6 | 22.7 | 17.9 | 16.9 | 14.3 |
| Institusi ² | 8.8 | 0.1 | 3.7 | 0.1 | 7.5 | 4.2 | 0.0 | 1.9 | 0.3 | 3.1 |
| Agensi Amanah ³ | 2.8 | 6.8 | 2.1 | 1.4 | 7.8 | 2.4 | 1.5 | 0.7 | 3.3 | 1.7 |
| Bukan Bumiputera | 39.3 | 58.4 | 27.3 | 31.1 | 50.2 | 43.8 | 47.4 | 43.2 | 46.3 | 40.3 |
| Cina | 37.3 | 55.8 | 26.7 | 30.8 | 48.5 | 42.0 | 45.2 | 39.7 | 41.4 | 37.9 |
| India | 1.2 | 1.5 | 0.3 | 0.2 | 1.5 | 1.5 | 1.8 | 2.0 | 4.5 | 1.5 |
| Lain-lain | 0.8 | 1.1 | 0.3 | 0.1 | 0.2 | 0.3 | 0.4 | 1.5 | 0.4 | 0.9 |
| Rakyat Asing | 23.9 | 18.0 | 56.3 | 32.5 | 17.9 | 36.4 | 20.2 | 26.0 | 26.6 | 32.7 |
| Syarikat Nomini | 8.3 | 4.6 | 3.9 | 24.2 | 5.4 | 4.6 | 8.2 | 10.3 | 6.6 | 7.9 |
| Jumlah | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |

Nota:

- 2 Merujuk kepada saham yang dipegang oleh institusi seperti Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) dan skim unit amanah.
- 3 Merujuk kepada saham yang dipegang oleh agensi seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN).

JADUAL 19.9**Hak Milik Modal Saham (Pada Nilai Tara) Syarikat Berhad¹,
1990 Dan 1999 (RM Juta)**

| Kumpulan Hak Milik | 1990 | % | 1999 | % | KadarPertumbuhan Tahunan Purata (%), 1991-1999 |
|-------------------------|-----------|-------|-----------|-------|--|
| Bumiputera ² | 20,877.5 | 19.3 | 59,394.4 | 19.1 | 12.3 |
| Rakyat Malaysia Lain | 50,754.0 | 46.8 | 125,013.3 | 40.3 | 10.5 |
| Cina | 49,296.5 | 45.5 | 117,372.4 | 37.9 | 10.0 |
| India | 1,068.0 | 1.0 | 4,752.9 | 1.5 | 18.0 |
| Lain-lain | 309.5 | 0.3 | 2,888.0 | 0.9 | 29.9 |
| Rakyat Asing | 27,525.5 | 25.4 | 101,279.2 | 32.7 | 15.6 |
| Syarikat Nomini | 9,220.4 | 8.5 | 24,389.5 | 7.9 | 11.4 |
| Jumlah | 108,377.4 | 100.0 | 310,076.4 | 100.0 | 12.4 |

Nota:

- 1 Tidak termasuk pegangan Kerajaan melainkan melalui agensi amanah.
- 2 Termasuk saham yang dipegang melalui institusi yang menyalurkan dana bagi individu Bumiputera dan agensi amanah seperti Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN).

Syarikat-syarikat bumiputera memerlukan kemudahan pembiayaan terutama yang mempunyai cagaran minimum bagi membolehkan mereka meneruskan perniagaan mereka. Pada masa ini, didapati daripada 27.1 peratus jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi perbankan yang telah dimanfaatkan oleh perniagaan bumiputera, peratus terbesar adalah untuk pembelian harta tanah, kenderaan pengangkutan dan sekuriti serta dalam sektor pembinaan seperti ditunjukkan dalam Jadual 19.10 di bawah. Ini menunjukkan bahawa usahawan bumiputera tidak perlu bimbang di atas memperoleh pembiayaan bagi mengembangkan perniagaan mereka terutama di dalam sektor perindustrian. Sokongan dan bantuan daripada pihak institusi perbankan tetap ada.

JADUAL 19.10**Peratusan Pinjaman¹ Yang Disalurkan Kepada Bumiputera Oleh
Institusi Perbankan Mengikut Sektor, Sehingga 31 Disember
2000**

| Sektor | % |
|--|--------------|
| Pembelian Sekuriti | 12.0 |
| Pembelian Kenderaan Pengangkutan | 16.3 |
| Pembelian Harta Bertanah | 19.8 |
| Kegunaan Persendirian | 3.2 |
| Kad Kredit | 2.3 |
| Pembelian Barangan Tahan Lama Pengguna | 0.4 |
| Pertanian, Pemburuan, Perhutanan & Perikanan | 3.4 |
| Perlombongan & Kuari | 0.2 |
| Pembuatan | 7.2 |
| Utiliti | 3.7 |
| Pembinaan | 11.7 |
| Perdagangan Borong & Runcit & Hotel | 5.6 |
| Pengangkutan, Penyimpanan & Perhubungan | 5.6 |
| Kewangan, Insurans, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan | 5.4 |
| Perkhidmatan Masyarakat, Sosial & Persendirian | 1.7 |
| Lain-lain | 1.5 |
| Jumlah | 100.0 |

Nota:

¹Jumlah pinjaman kepada Bumiputera bagi semua sektor ialah RM107.5 bilion manakala jumlah keseluruhan pinjaman ialah RM397.1 bilion.

PROGRAM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN

Mengikut Laporan Tahunan 2000, Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) didapati budaya keusahawanan di kalangan masyarakat Malaysia khususnya Bumiputera masih lagi di peringkat rendah. Langkah-langkah yang dibuat oleh KPU untuk menarik minat semua lapisan masyarakat menceburi bidang perniagaan ialah dengan mewujudkan beberapa program.

Program-program ini merangkumi golongan pelajar di peringkat sekolah menengah, institusi pengajian tinggi dan masyarakat umum.

Program Usahawan Muda

JADUAL 19.11
Program usahawan muda tahun 1996 sehingga 2000

| Tahun Kategori | 1996 | 1997 | 1998 | 1999 | 2000 |
|---------------------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| Sekolah Terlibat | 100 | 110 | 211 | 225 | 325 |
| Syarikat Ditubuh | 120 | 181 | 313 | 410 | 400 |
| Pelajar Terlibat | 2,500 | 4,520 | 7,331 | 7,307 | 8,000 |
| Guru Pengelola | 200 | 236 | 393 | 465 | 360 |

Berdasarkan Jadual 19.11 di atas didapati sehingga tahun 2000, sebanyak 325 buah sekolah terlibat dalam program ini dan ianya melibatkan seramai 8,000 orang pelajar yang telah berjaya menubuhkan 4000 buah syarikat. Pada tahun 2000 juga terdapat tambahan penyertaan sebanyak 100 buah sekolah dengan penyertaan seramai 693 pelajar.

Program Pembangunan Usaha Siswa (PPUS)
JADUAL 19.12
Penyertaan Mahasiswa Dalam PPUS Tahun 1996
Sehingga 2000 Mengikut IPT

| Bil | IPT | 1996 | 1997 | 1998 | 1999 | 2000 |
|---------------|----------------------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
| 1 | Universiti Malaya | - | 90 | 90 | 112 | 130 |
| 2 | Universiti Kebangsaan Malaysia | 260 | 318 | 260 | 260 | 280 |
| 3 | Universiti Putra Malaysia | 86 | 360 | 310 | 310 | 330 |
| 4 | Universiti Sains Malaysia | 300 | 309 | 385 | 385 | 390 |
| 5 | Universiti Teknologi Malaysia | 940 | 955 | 955 | 955 | 950 |
| 6 | Universiti Utara Malaysia | 718 | 746 | 324 | 324 | 350 |
| 7 | Universiti Islam Malaysia | 70 | 90 | 90 | 190 | 290 |
| 8 | Universiti Malaysia Sarawak | 60 | 61 | 61 | 61 | 70 |
| 9 | Universiti Malaysia Sabah | - | 62 | 490 | 62 | 70 |
| 10 | Universiti Teknologi Mara | 413 | 469 | 469 | 469 | 500 |
| 11 | Kolej Agama Sultan Zainal Abidin | 172 | 193 | 9 | 250 | 370 |
| JUMLAH | | 3,019 | 3,561 | 3,443 | 3,378 | 3,630 |

Berdasarkan Jadual 19.12 di atas, didapati program ini membolehkan mahasiswa mengadakan aktiviti usaha niaga dan seterusnya memberi peluang kepada yang terbaik untuk menyertai pertandingan pengurusan perniagaan di peringkat antarabangsa. Program ini dapat memupuk bakat kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, daya kreativiti, budaya kerja berpasukan, kemahiran pengurusan dan seterusnya memberi peluang kepada mahasiswa mewujudkan jaringan perniagaan dengan pelajar-pelajar dari seluruh dunia.

Peluang-Peluang Perniagaan

Program pembangunan vendor adalah perlu meliputi banyak industri bagi menjana peluang baru untuk syarikat Bumiputera. Umpamanya :

JADUAL 19.13

Bilangan Syarikat Vendor Mengikut Bidang Sehingga 2000

| BIDANG | JUMLAH SYARIKAT | PERATUS (%) |
|-------------------------------|------------------------|--------------------|
| Elektrik & Elektronik | 63 | 24.61 |
| Telekomunikasi | 17 | 6.64 |
| Automotif | 46 | 19.97 |
| Perabot | 66 | 25.78 |
| Mesin dan Kejuruteraan | 1 | 0.39 |
| Kelengkapan Bangunan | 22 | 8.60 |
| Perkhidmatan | 8 | 3.13 |
| Makanan | 3 | 1.17 |
| Perfileman | 23 | 8.98 |
| Pembinaan dan Pembaikan Kapal | 7 | 2.73 |
| JUMLAH | 256 | 100.00 |

Sumber : Kementerian Pembangunan Usahawan

PENGLIBATAN AGENSI DALAM MEMBANGUNKAN USAHAWAN MELAYU

1. Agensi-Agensi Dibawah Kementerian Pembangunan Usahawan
 - i. Majlis Amanah Rakyat (MARA)
 - ii. Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB)
 - iii. Perbadanan Nasional Berhad
 - iv. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM)
 - v. UDA Holding Sdn. Bhd (UHSB)
 - vi. Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (12441 - M)
 - vii. Yayasan Tekun Nasional
 - viii. Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Negeri

2. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)
 - i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
 - ii. Johor Corporation
 - iii. Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis
 - iv. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
 - v. Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang
 - vi. Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
 - vii. Perbadanan Kemajuan Negeri Sabah (SEDCO)
 - viii. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
 - ix. Perbadanan Kemajuan Negeri Sarawak
 - x. Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan
 - xi. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
 - xii. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
 - xiii. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Terengganu

Matlamat agensi-agensi di atas adalah untuk membina sebuah institusi pembangunan ekonomi yang berdaya maju teguh lagi berpengaruh yang dapat memperkukuhkan asas ekonomi bumiputera, di samping menjadi penggerak utama perkembangan kepingingan ekonomi bangsa bumiputera. Agensi-agensi ini juga terlibat di dalam mengenal pasti

dan melahirkan individu-individu yang berilmu dan berbakat untuk diberi tanggungjawab membimbing perbadanan dan syarikatnya, khususnya di peringkat keusahawanan dan pengurusan atasan untuk menjamin kesinambungan perjuangan perbadanan. Menyumbang secara langsung dalam mewujudkan dan menghasilkan peluang-peluang perniagaan yang khusus kepada masyarakat bumiputera. Agensi-agensi ini juga mempunyai matlamat supaya dasar “Masyarakat Perniagaan Bumiputera” berjaya sepenuhnya dengan tujuan kaum Bumiputera berpeluang berkecimpung di dalam sektor perniagaan dan perindustrian dengan lebih meluas.

Negara juga perlu memastikan ekonominya berkembang dari segi perindustrian dan perdagangan melalui penubuhan projek-projek perindustrian dan perdagangan. Maka dengan adanya perbadanan kemajuan ekonomi negeri usaha-usaha untuk menggalakkan penyertaan golongan bumiputera dalam pelbagai bidang ekonomi secara yang lebih seimbang dan saksama melalui pncapaian terhadap usaha untuk ‘melahirkan’ usahawan-usahawan bumiputera yang berkualiti melalui program latihan bidang perniagaan; dan menyediakan peluang-peluang perniagaan kepada usahawan-usahawan bumiputera dalam kerja kontrak, perkhidmatan, pemilikan ruang niaga dan lain-lain.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR

Persoalan dan isu yang dibincangkan di atas dapat mengutarakan beberapa implikasi dasar. pengusaha bumiputera perlu bersedia memantapkan diri dalam penglibatan di dunia perindustrian bagi menghadapi era globalisasi.

Arus globalisasi tanpa sempadan memberi kesan yang serius kepada syarikat-syarikat bumiputera yang umumnya bersaiz kecil dan sederhana, yang tidak berupaya untuk bersaing dengan syarikat-syarikat multinasional yang lebih kukuh. Sehubungan dengan itu, antara matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, RRJP3 (2001-2010) ialah membina Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang dinamik, menggalakkan penyertaan aktif bumiputera dalam ekonomi berasaskan pengetahuan di samping memperkukuhkan daya tahan dan daya saing mereka bagi menghadapi cabaran globalisasi. Oleh itu, syarikat-syarikat bumiputera perlu mengenal pasti peluang, mengambil kesempatan tersebut dan terus berusaha mencapai kejayaan.

Syarikat-syarikat bumiputera mesti menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&P) dalam perindustrian yang mereka ceburi bagi meningkatkan keupayaan mereka untuk mencipta serta membangunkan produk baru. Bagi menjayakan aktiviti ini syarikat-syarikat Bumiputera perlu membuat kerjasama dengan universiti serta institusi penyelidikan awam yang sedia ada. Disamping itu syarikat-syarikat Bumiputera perlu menggunakan piawai yang lebih tinggi dan mengamalkan peningkatan kualiti supaya mutu keluaran dan perkhidmatan mereka dapat dipertingkatkan umpamanya dengan mendapatkan persijilan yang berkaitan daripada International Standardization Organization (ISO) dan piawaian antarabangsa yang lain. Usaha syarikat-syarikat Bumiputera ini akan mendapat sokongan daripada pihak kerajaan melalui peruntukan khas di bawah Tabung Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

Dasar penswastan merupakan satu alat yang penting untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor perindustrian seterusnya meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam syarikat. Maka program penswastan ini harus diteruskan bagi mewujudkan lebih banyak peluang kepada usahawan bumiputera.

Arus peningkatan proses globalisasi, syarikat-syarikat bumiputera perlu juga berusaha dengan berani untuk mendapatkan pasaran hasil daripada pengeluaran perindustrian mereka. Bagi tujuan ini syarikat-syarikat bumiputera perlu mendapat kerjasama daripada Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dari segi menjalankan penyelidikan, penyediaan risikan pasaran serta membantu dan memudahkan usaha mempromosikan keluaran mereka di luar negara.

Persekitaran dalam era globalisasi mengiktirafkan persaingan yang sengit di kalangan individu. Ini bermaksud individu yang miskin dan kurang pendidikan akan terus menjadi miskin, manakala individu yang kaya dan berpendidikan akan menjadi semakin kaya. Sehubungan dengan itu pengusaha melayu perlu meningkatkan diri mereka dalam pendidikan dan latihan dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan mereka. Pengusaha bumiputera juga dalam usaha meningkatkan kemajuan perniagaan perindustrian yang mereka ceburi, penggunaan teknologi moden, kemudahan pendidikan dan latihan perlu diberi keutamaan. Ini perlu diberikan

kepada pekerja mereka yang kurang mahir dengan harapan mereka menjadi pekerja yang mahir dan dapat memberi sumbangan terhadap syarikat.

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan satu keperluan yang penting dalam era globalisasi. Maka kursus-kursus yang berkaitan dengan penggunaan ICT dalam perniagaan terutama perindustrian perlu banyak dianjurkan oleh pihak kerajaan mahupun swasta kepada pengusaha bumiputera. Maka dengan itu pengusaha bumiputera perlu berusaha mencari dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka melalui ICT dan seterusnya dapat meningkatkan daya saing pengeluaran mereka yang berasaskan pengetahuan.

Boleh dirumuskan bahawa pengusaha-pengusaha bumiputera perlu pertingkatkan penggunaan proses dan aplikasi berasaskan pengetahuan yang diperlukan dalam pertumbuhan industri berteknologi tinggi yang berdaya saing dan produktiviti dalam menghadapi cabaran globalisasi. Segala rancangan yang dibuat, dilaksana dan yang akan dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Ke-8 perlu diambil peluang oleh pengusaha bumiputera bagi memastikan penglibatan mereka dalam perindustrian bertambah maju dan berdaya saing serta mampu mengharungi arus globalisasi.